

14/08/2003

Mai Elny kebanggaan penduduk Kampung Ulu Beting

KUALA PILAH: Juruterbang pelatih Leftenan Mai Elny Sefrina Jalaluddin disifatkan sebagai idola dan kebanggaan penduduk Kampung Ulu Beting, dekat sini, kerana menjadi satu-satunya anak kampung itu yang menjadi juruterbang.

Malah, rata-rata penduduk kampung itu, termasuk keluarga mentua kepada anak Perdana Menteri, Datuk Mukhriz Mahathir, jelas terperanjat dan sedih apabila mendapat tahu nahas yang menimpa Mai Elny.

Mereka jelas merasai kehilangan Mai Elny sekali gus menyifatkan pemergian Allahyarham sebagai wirawati dan berharap satu hari nanti ada anak kampung itu yang menyambung perjuangannya.

Bapa saudaranya, Mustapha Kamal, 71, berkata Mai Elny adalah satu-satunya ahli keluarga yang menyertai dan berkhidmat dalam Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

"Kami jelas bangga kerana dia satu-satunya ahli keluarga yang menyertai pasukan keselamatan negara. Bagaimanapun, kami amat sedih kerana kehilangannya begitu cepat.

"Lagipun, dia belum lagi dapat memenuhi impiannya berkhidmat untuk negara sebagai juruterbang," katanya ditemui selepas majlis pengebumian jenazah Mai Elny, semalam.

Seorang peniaga runcit di kampung itu, Mohd Nasir Tahir, 64, menyifatkan Mai Elny adalah seorang pendiam tetapi disenangi ramai penduduk kampung itu.